



**KENYATAAN AKHBAR**  
**SESI TAKLIMAT MENGENAI ADAT ISTIADAT BAGI PEMANDU – PEMANDU PELANCONG**  
**BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Rabu, 29hb Ogos 2018**

Kearah meningkatkan pengetahuan dan kepakaran para pemandu pelancong di negara ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber–Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Adat Istiadat Negara telah mengadakan sesi taklimat mengenai dengan adat istiadat Negara Brunei Darussalam. Seramai 40 orang pemandu pelancong yang berlesen dibawah Jabatan Kemajuan Pelancongan telah di jemput dan menghadiri sesi taklimat yang telah diadakan pada hari Rabu, 29hb Ogos 2018, bertempat di Jabatan Adat Istiadat Negara di Bandar Seri Begawan.

Pada sesi taklimat tersebut, pemandu-pemandu pelancong telahpun diberi penerangan mengenai perihal Bangunan Lapau dan pemahaman tentang Adat Istiadat Diraja dan Adat Istiadat KeBruneian oleh Awangku Mohd Nood Hamaddi bin Pengiran Ahmad dan Awang Md Zaizul bin Haji Daud, masing-masing daripada Jabatan Adat Istiadat Negara. Selain itu, kandungan taklimat juga dimuatkan berhubung dengan terasul dan bahasa penganti diri dalam 'bahasa dalam', tatatertib di dalam Majlis Beristiadat dan susunan kedudukan (protokol).

Dengan mempelajari maklumat yang tepat dan betul, sesi taklimat ini diharap akan dapat membantu pemandu pelancong dalam tugas mereka semasa mereka memberikan perkhidmatan kepada pelancong–pelancong yang berkunjung ke Negara Brunei Darussalam khususnya dalam usaha memberi kefahaman kepada pelancong – pelancong yang berkunjung tentang adat istiadat Negara ini dan berhubung konsep Melayu Islam Beraja yang sudah sedia menjadi amalan dan cara hidup di Negara ini.

Jabatan Kemajuan Pelancongan akan sentiasa meneruskan kerjasama seumpama ini dengan agensi-agensi kerajaan lain bagi memastikan kualiti perkhidmatan pemandu pelancong di Negara ini menepati kehendak Jabatan Kemajuan Pelancongan agar maklumat mengenai sejarah, tatasusila dan kebudayaan Negara Brunei Darussalam yang dipelajari adalah maklumat yang tepat. Perkara ini penting bagi menarik minat lebih ramai lagi para pelancong berkunjung ke Negara ini dalam usaha menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi.

- **Tamat** -